**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA**
**NEGERI MELAKA**
Aras 5, Menara Persekutuan
Jalan Persekutuan, Ayer Keroh
75450 Melaka

Tel : 06-2895000
Faks : 06-2345201 / 5202 / 5207
Web : http://portalpp.anm.my/melaka

Ruj. Kami : ANM(UKPP) MEL/12 (51)
Tarikh : 13 Oktober 2023
Bersamaan : 27 Rabiulawal 1445H

Ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ)
di bawah seliaan JANM Negeri Melaka

YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato'Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan,

**ARAHAN KERJA BIL 49/2023/O: PENGESAHAN BAKI KOD AKAUN AKRUAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 30 SEPTEMBER 2023**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Jabatan ini telah ditugaskan untuk menyelaras penyediaan Kertas Kerja Sokongan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan (Akruan) oleh PTJ-PTJ di negeri Melaka bagi Tahun Kewangan 2023. Penyata kewangan ini akan disediakan mengikut segmen Pegawai Pengawal untuk diaudit oleh Ketua Audit Negara.

3. Sehubungan itu, kerjasama tuan adalah diminta melengkapkan dan menandatangani borang pengesahan **baki seperti pada 30 September 2023** bagi setiap kod akaun (sehingga sub siri) bagi semua kod vot/dana di bawah PTJ tuan yang mempunyai transaksi di dalam tahun 2023 seperti berikut:

| Bil | Item Penyata Kewangan | Kod Akaun | Laporan Portal | Borang Pengesahan | Tatacara Penyediaan |
|---|---|---|---|---|---|
| 1 | Hasil Bukan Cukai Belum Terima | A027* | Laporan Ringkasan Hasil/Belanja/Aset/ Liabiliti/Ekuiti | Lampiran B2 | Lampiran 1 |
| 2 | Inventori (PTJ Inventori sahaja) | A06* - A07* | Laporan Ringkasan Hasil/Belanja/Aset/ Liabiliti/Ekuiti | Lampiran C1 | Lampiran 2 |
| 3 | Deposit Bayaran | A052* | Laporan Ringkasan Hasil/Belanja/Aset/ Liabiliti/ Ekuiti | Lampiran D1(A) Lampiran D1(B) | Lampiran 3 |
| 4 | Wang Pendahuluan Kontraktor | A0591101 | Laporan Ringkasan Hasil/Belanja/Aset/ Liabiliti/ Ekuiti<br>Laporan Kedudukan Baki Subsidiari/ Laporan Terimaan Terdahulu dan Deposit | Lampiran D3(A) | Lampiran 4 |
| 5 | Terimaan Tak Ditunai | A0311101 | Laporan Daftar Cek Tak Laku | Lampiran B3 | Lampiran 5 |

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| 6 | Akaun Belum Terima (ABT) | A048* | Laporan Invois Terperinci | Lampiran B7 Lampiran B7(A) | Lampiran 6 |
| 7 | Aset Belum Bayar | L013* | Laporan Ringkasan Hasil/Belanja/Aset/ Liabiliti/ Ekuiti | Lampiran G1 | Lampiran 7 |
| 8 | Akaun Belum Bayar GRN/FRN Transit Aset | L0191103 | Laporan Ringkasan Hasil/Belanja/Aset/ Liabiliti/ Ekuiti | Lampiran G3 | Lampiran 8 |
| 9 | Deposit | L11* | Laporan Ringkasan Hasil/Belanja/Aset/ Liabiliti/ Ekuiti dan Laporan Kedudukan Baki Subsidiari / Laporan Terimaan Terdahulu dan Deposit | Lampiran N(A) Lampiran N(B) | Lampiran 9 |

4. Borang pengesahan baki yang telah lengkap dan disahkan hendaklah dikemukakan **tiga salinan (3)** kepada Jabatan ini **pada tarikh yang akan diberitahu kemudian**. Sekiranya PTJ gagal menghantar pengesahan pada tarikh yang ditetapkan, PTJ dikehendaki menghantar pengesahan tersebut ke Bahagian Akaun kementerian masing-masing selepas disemak oleh Unit Akaun, JANM Melaka.

5. Dimaklumkan juga **tarikh akhir** penjanaan Laporan di Portal iGFMAS bagi tujuan penyediaan Kertas Kerja Sokongan Interim Berakhir 30 September 2023 bagi Lejar Akruan oleh Pejabat Perakaunan dan PTJ adalah pada **16 Oktober 2023 (Isnin).** Selepas tarikh ini, baki di laporan-laporan berkaitan (rujuk panduan penyediaan KKS Lejar Akruan Tahun 2023) akan berubah dan tidak akan sama dengan Penyata Kewangan Bagi Bulan Berakhir 30 September 2023. Ini adalah susulan aktiviti MDM bagi akaun PFI II yang akan bermula pada 17 Oktober 2023 (Selasa) dan aktiviti ini akan melibatkan tarikh posting ke belakang *(backdated).* Sehubungan itu, **PTJ diminta untuk mengambil tindakan menjana laporan yang terlibat dengan segera dan membawa laporan berkenaan semasa taklimat yang akan diadakan pada 16-20 Oktober 2023** di Jabatan ini.

6. Tatacara penyediaan dan borang pengesahan baki boleh dijana melalui pautan https://drive.google.com/drive/folders/1pwflUFeuiLX4YAQfaEMIMi711XYCOaOa?usp=sharing

8. Sila hubungi pegawai kami seperti berikut sekiranya mempunyai sebarang pertanyaan:

| | | |
|---|---|---|
| i. | Nor Azlina binti A. Rahman | 06 - 289 5007 |
| ii. | Siti Nadia binti Atan | 06 - 289 5060 |
| iii. | Noorlen binti Ab. Halim | 06 - 289 5062 |

Sekian, terima kasih.

**"MELAKAKU MAJU JAYA, RAKYAT BAHAGIA, MENGGAMIT DUNIA"**
**"BIJAK LAKSANA TUAH, BERANI LAKSANA JEBAT"**
**"MALAYSIA MADANI"**
**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**
***"Memperkasa Budaya Inovasi Pendigitalan"***

Saya yang menjalankan amanah,

**(NUR AZIRA BINTI ABD RAHMAN C.A.(M))**
Seksyen Operasi
b.p. Pengarah Negeri
Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Melaka